


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-8	Al-Anfaal	75	10	Madaniyyah	Ke-88	8



Zaman Diturunkan Surah Ini Dan Latar Belakangnya

Perang Badar telah berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-2 Hijrah. Surah al-Anfaal adalah satu Surah Madaniyyah yang diturunkan sekitar bulan Zul Qa'dah tahun ke-2 Hijrah, selepas berlakunya peperangan Badar. Sebelum perang Badar sudah turun Surah at-Thalaq dan Surah Muhammad.

Kesinambungan Surah Al-Anfaal Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam surah sebelum ini iaitu Surah al-A'raaf dinyatakan bagaimana bangsa-bangsa yang durjana telah dibinasakan secara langsung oleh Allah, di dalam Surah al-Anfaal ini pula mereka dibinasakan secara tidak langsung, dengan berperang melawan orang-orang Islam. Akibatnya mereka menerima kekalahan dan sebahagian berasap mereka terbunuh. Kaum yang menderhakai Allah perlu dihapuskan supaya hilang kerosakan dan fitnah yang besar dari muka bumi (dunia). (Ayat: 62)

هُوَ الَّذِي آتَاكَ بِضُرٍّ ۖ وَيَا الْمُؤْمِنِينَ ۝

Untuk menghukum kaum yang jahat, Allah telah mentaqdirkan berlaku peperangan di antara orang-orang kafir Quraisy dan orang-orang Islam, ia juga merupakan ujian kepada orang-orang Islam.

2. Di dalam paragraf permulaan Surah al-Anfaal dan paragraf terakhirnya disebutkan hasil baik daripada jihad iaitu orang-orang Islam mendapat keampunan Allah dan mendapat rezeki yang mulia, ia secara tidak langsung memberi mafhum bahawa bangsa yang tidak berjihad akan hidup dengan penuh kehinaan.

3. Di dalam Surah al-Anfaal dijelaskan tentang Falsafah Jihad, sementara di dalam Surah at-Taubah selepasnya pula diarahkan supaya tiga golongan manusia diperangi.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Perkataan مَغْفِرَةً وَرِزْقًا كَرِيمًا tersebut di dalam Surah al-Anfaal sebanyak dua kali. Satu dalam paragraf permulaannya dan satu lagi dalam paragraf terakhirnya (Lihat Ayat 4 dan 74). Sebagaimana terdapat di dalam kebanyakan surah-surah al-Qur'an perkara yang dianggap penting disebutkan di permulaan dan di bahagian penutupnya. Dari itu dapat disimpulkan bahawa jihad membawa manusia kepada keampunan Allah di akhirat dan kehidupan mulia di dunia. Pejuang-pejuang yang mengorbankan nyawa mereka dalam jihad dikatakan sebagai orang-orang mu'min sebenar هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا

(a) (Ayat: 4)

أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَّهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ۝

(b) (Ayat: 74)

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوُوا وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧﴾

2. Surah al-Anfaal menyebutkan perang Badar sebagai perang di antara kebenaran dan kebatilan.

(a) Orang-orang Islam pada mulanya hanya mahu menghadapi rombongan dagang kaum Quraisy sahaja, sedangkan Allah mahukan pertempuran ketenteraan antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir berlaku supaya kebenaran agama Islam menjadi kenyataan. (Ayat: 7)

وَإِذْ يَعِدُّكُمْ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُحِقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ

وَيَقْطَعَ دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٨﴾

(b) Allah s.w.t. mahu menegakkan agama yang benar dan menghapuskan agama yang salah walaupun ia tidak disukai oleh pemimpin-pemimpin orang-orang musyrikin dan orang-orang yang jahat. (Ayat: 8)

لِيُحِقَّ الْحَقَّ وَيُبْطِلَ الْبَاطِلَ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ ﴿٩﴾

(c) Pemimpin-pemimpin musyrikin Quraisy juga mahu kebenaran menjadi kenyataan, kerana itu mereka berdoa. (Ayat: 32)

وَإِذْ قَالُوا اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ هَذَا هُوَ الْحَقُّ مِنْ عِنْدِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَابًا مِنَ السَّمَاءِ

3. Pada beberapa tempat di Surah al-Anfaal, Allah s.w.t. telah mengarahkan tentera Islam supaya tetap dan teguh pendiriannya, Allah juga telah menyebutkan keteguhan dan ketetapan pendirian dalam peperangan itu merupakan salah satu kurniaanNya.

(a) Betul-betul sebelum berlaku peperangan, Allah telah membuatkan pasukan tentera Islam mengantuk dan tertidur sementara waktu, setelah sedar dari tidur mereka berasa cukup bertenaga dan segar. (Ayat: 11)

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسُ أَمَنَةً مِنْهُ

(b) Kemudian Allah telah menurunkan hujan, dengannya kekotoran syaitan dihilangkan dan hati orang-orang Islam menjadi teguh. Dengan hujan yang diturunkan itu, kedudukan pasukan tentera Islam menjadi medan yang cukup sesuai. (Ayat: 11)

وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿١٢﴾

(c) Allah memerintahkan kepada para malaikat supaya memberi semangat dan keteguhan jiwa kepada orang-orang Islam di medan perang. (Ayat: 12)

إِذْ يُوحَىٰ رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَتَقِيَّتُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا

(d) Allah s.w.t. memerintahkan orang-orang Islam supaya teguh pendirian dalam menghadapi musuh dan pada ketika itu juga mereka dikehendaki mengingati Allah dengan banyak supaya mereka mendapat kejayaan. (Ayat: 45)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

4. Di dalam Surah al-Anfaal, dua kali digunakan perkataan فِئَة yang memberi erti kelemahan (Lihat ayat 43 dan 46). Allah s.w.t. mahu orang-orang Islam bebas daripada segala kelemahan ketika menghadapi musuh di medan perang, Allah mahu mereka teguh dan tetap pendirian dalam menghadapi pihak musuh.

(a) Allah s.w.t. telah menunjukkan pihak musuh yang terdiri daripada musyrikin Mekah di dalam mimpi Rasulullah berjumlah sedikit, kalau tidak orang-orang Islam berasa lemah semangat dan akan bertelagah. (Ayat: 43)

إِذْ يُرِيكُمُ اللَّهُ فِي مَنَامِكَ قَلِيلًا وَلَوْ أَرَنَكُمُ كَثِيرًا لَّفَشِلْتُمْ وَلَتَنزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ

(b) Orang-orang Islam diperintah supaya taat kepada Allah dan Rasul, mereka diperintah supaya patuh dan taat, jangan bertelagah. Kalau tidak, mereka akan lemah. Mereka juga diminta supaya berpendirian teguh. Kepada pejuang-pejuang yang berpendirian teguh diberikan berita gembira bahawa Allah akan menolong mereka. (Ayat: 46)

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

5. Di dalam Surah al-Anfaal beberapa kali Allah memerintahkan supaya orang-orang Islam taat kepada Allah dan RasulNya supaya dengan itu mereka terus mendapat kejayaan di masa akan datang.

(a) Dikatakan kepada orang-orang Islam bahawa tuntutan iman yang benar dan suci menghendaki Allah dan RasulNya ditaati, mereka diperintah supaya bertaqwa dan mengadakan hubungan yang mesra sesama Islam sedapat mungkin. (Ayat: 1)

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١﴾

(b) Hati dan fikiran umat Islam diperteguh. Allah menghendaki mereka menyahut seruan Allah dan RasulNya, dengan begitu kehidupan mereka akan abadi. (Ayat: 24)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

(c) Setelah mendengar perintah Allah dan Rasul, orang-orang Islam hendaklah mematuhi tanpa dolak-dalik. Mereka juga diajar supaya berdisiplin. (Ayat: 20)

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَرِسُوْلَهُۥ وَلَا تَوَلُّوْا عَنْهُ وَاَنْتُمْ تَسْمَعُوْنَ ﴿٢١﴾

(d) Orang-orang Islam dilarang daripada bersikap seperti orang-orang Yahudi yang mendengar perintah tetapi tidak mahu menurutnya. (Ayat: 21)

وَلَا تَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ قَالُوْا سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُوْنَ ﴿٢٢﴾

(e) Orang-orang yang mendengar seruan agama tetapi buat-buat tak dengar diumpamakan dengan makhluk yang paling jelek iaitu makhluk yang tidak berakal, tuli dan bisu. (Ayat: 22)

۞ اِنَّ شَرَّ الدَّوَّآبِ عِنْدَ اللّٰهِ الضُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِيْنَ لَا يَعْقِلُوْنَ ﴿٢٣﴾

(f) Umat Islam hanya akan digeruni dan ditakuti pihak musuh dan akan mendapat pertolongan Allah jika mereka taat dan patuh, bersabar dan beristiqamah selain berdisiplin. (Ayat: 46)

وَأَطِيعُوْا اللّٰهَ وَرِسُوْلَهُۥ وَلَا تَنَزَعُوْا فْتَفْشَلُوْا وَتَذْهَبَ رِيْحُكُمْ وَاَصْبِرُوْا اِنَّ اللّٰهَ مَعَ الصّٰبِرِيْنَ ﴿٢٤﴾

6. Di dalam ayat ke-25 Surah al-Anfaal terdapat keterangan tentang falsafah kemasyarakatan Islam, jihad adalah suatu keperluan untuk menghapuskan fitnah dan kerosakan di muka bumi. Sesetengah fitnah begitu umum sehingga akibatnya tidak sahaja diterima oleh orang-orang yang zalim tetapi juga oleh orang-orang yang tidak menentang kezaliman. Akibat jenayah yang dilakukan oleh pemimpin yang zalim juga diterima oleh rakyat biasa. Allah berfirman. (Ayat: 25)

وَأَتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبُ الَّذِيْنَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً

7. Orang-orang Islam diperintah supaya mengelak diri daripada sifat khianat. Mereka bahkan diperintah supaya tidak berkhianat walaupun terhadap musuh.

(a) Orang-orang Islam dilarang daripada mengkhianati Allah dan RasulNya juga mengkhianati amanah-amanah yang diserahkan kepada mereka. (Ayat: 27)

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَالرَّسُوْلَ وَتَخُوْنُوْا اٰمَنَاتِكُمْ وَاَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٢٧﴾

(b) Berhubung dengan polisi luar negara Islam diperjelaskan bahawa negara Islam akan bertindak selayaknya terhadap kaum yang berkhianat dan tidak jujur. Dalam keadaan mereka membatalkan janji atau memungkir janji, perjanjian boleh dibatalkan. (Ayat: 58)

وَاِمَّا تَخَافَنَّ مِنْ قَوْمٍ خِيٰنَةً فَانْبِذْ اِلَيْهِمْ عَلٰٓى سَوَآءٍ

8. Perkataan فِتْنَةٌ yang digunakan di dalam Surah al-Anfaal sangat besar ertinya, tiga ayat perlu direnungi untuk menghayati ertinya.

- (a) Jihad ibarat pembedahan yang mesti dilakukan terhadap anggota badan manusia, jihad merupakan rahmat kepada kemanusiaan, sebagaimana dalam keadaan-keadaan tertentu untuk menyelamatkan nyawa manusia, pembedahan tidak dapat tidak mesti dilakukan, begitulah juga kehidupan bangsa dan umat, kadang-kadang kehidupan mereka perlukan jihad, jika tidak bumi ini akan dipenuhi fitnah dan kerosakan yang besar. Dengan berjihad, kanser berupa fitnah dan kerosakan yang boleh membahayakan tubuh bangsa dapat dihilangkan. (Ayat: 73)

إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

- (b) Jihad perlu diteruskan sehingga fitnah betul-betul tercabut sampai ke akar umbinya dan yang berdaulat di dunia ini hanyalah agama Allah. (Ayat: 39)

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ

- (c) Di medan perang, yang paling perlu diutamakan ialah tujuan jihad, jika kasih sayang kepada harta dan anak pinak melebihi kasih sayang kepada agama Allah dan matlamat sebenar jihad, maka seseorang itu masih boleh terperangkap dalam fitnah. (Ayat: 28)

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾